

KESESUAIAN KONSEP MUTAWATIR SEBAGAI SALAH SATU KAEDAH PENYELIDIKAN DALAM ISLAM

[THE SUITABILITY OF MUTAWATIR CONCEPT AS ONE OF RESEARCH METHODS IN ISLAM]

NUR SAKIINAH AB AZIZ,¹ SHAHIR AKRAM HASSAN,¹ MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA¹
MOHAMED FATHY MOHAMED ABDELGELIL¹ & MOSTAFA HASSAN MOHAMED EL KHAYAT¹

Received Date: 16 April 2019

Accepted Date: 26 April 2019

Abstrak

Sanad mutawatir merupakan salah satu syarat terpenting dalam menentukan sesuatu qiraat itu menepati sebagaimana qiraat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Apabila sesuatu qira'at mempunyai sanad yang mencapai tahap mutawatir, maka ia diiktiraf sebagai salah satu qiraat al-Qur'an yang sah dan membacanya dikira sah sebagai ibadah sama ada dalam solat atau luar solat. Dengan adanya unsur mutawatir dalam sesuatu qiraat, kedudukan qiraat tersebut boleh disahkan sebagai salah satu qiraat *mutawatirah*. Oleh yang demikian, konsep mutawatir dalam Ilmu Qiraat ini dilihat boleh digunakan dalam kajian penyelidikan ilmiah masa kini. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti konsep mutawatir dalam Ilmu Qiraat seterusnya menganalisis kesesuaian konsep mutawatir dalam konteks menentukan kesahan data penyelidikan. Persoalannya, apakah elemen-elemen dalam konsep mutawatir? Bagaimanakah konsep mutawatir ini mampu dan sesuai digunakan dalam menentukan kesahan data? Bagi menjawab kedua-dua persoalan ini, kertas kerja ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis tekstual. Kertas kerja ini mendapati sekurang-kurangnya terdapat dua elemen dalam konsep ini iaitu sifat perawi dan bilangan perawi pada setiap tahap pengumpulan data. Kedua-dua elemen ini menjurus kepada menguatkan data yang diberikan.

Kata Kunci: Kesahan data, mutawatir, qiraat, kaedah penyelidikan berteraskan Islam

Abstract

Sanad mutawatir is one of the most important in terms of determining a month as qiraat qiraat it was revealed to the Prophet Muhammad. When a qira'at have a chain that reaches the level of mutawatir, then it is recognized as one of al-Qur'an qiraat authentic and valid read it counted as worship either in prayer or outside prayer. With the elements consecutively in a qiraat, qiraat position can be confirmed as one qiraat mutawatirah. The concept of mutawatir in this Qiraat views can be used in scientific research studies nowadays. Hence, this paper aims to identify the concept of mutawatir in the next Qiraat mutawatir analyze the suitability of the concept in the context of determining the validity of research data. The question is whether the elements in the concept of mutawatir? How does this concept mutawatir capable and suitable to be used in determining the validity of the data? To answer both of

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA, Pusat Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: borhanuddin@unisza.edu.my

these questions, this paper uses the method library and textual analysis. This paper finds that there are at least two elements in this concept of the nature of the narrator and the number of transmitters at each stage of data collection. Both of these elements lead to a strengthening of data provided.

Key Words: Validity of data, Mutawatir, qiraat, the research methodology is based on Islam

Cite This Article:

Nur Sakiinah Ab Aziz, Shahir Akram Hassan, Mohd Borhanuddin Zakaria, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil & Mostafa Hassan Mohamed El Khayat. 2019. Kesesuaian Konsep Mutawatir sebagai Salah Satu Kaedah Penyelidikan dalam Islam. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 1(2): 44-53.

PENGENALAN

Menentukan kesahan data penyelidikan dalam kaedah penyelidikan lazim merupakan antara perkara utama dalam melaksanakan sesuatu kajian. Tanpa data yang sah, sesuatu kajian itu tidak boleh dikategorikan sebagai kajian ilmiah. Menurut Gay & Air Asian (2000:135), kesahan data merupakan antara unsur terpenting bagi mengukur sesuatu instrumen. Bagi menentukan kesahan data penyelidikan, terdapat pelbagai cara dalam kaedah penyelidikan lazim. Antara kaedah tersebut ialah kaedah kesahan dalaman, kesahan luaran, kesahan kriteria, kaedah triangulasi dan lain-lain lagi (Gay & Air Asian, 2000; Campbell, 1995; Susan & Kimball, 1990). Kesahan-kesahan ini dijalankan bagi memastikan setiap data yang diambil itu benar dan menepati objektif kajian yang dijalankan.

Kaedah penyelidikan lazim telah menetapkan dan mencipta pelbagai cara untuk menentukan kesahan data sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Bagi mendapat cara-cara yang betul dan tepat dalam kaedah penyelidikan lazim, beberapa eksperimen dan ujikaji akan dijalankan terhadap teori yang dicipta. Apabila sesuatu ujikaji itu menepati teori yang dicipta, maka cara tersebut boleh digunakan dalam menentukan kesahan data sesuatu penyelidikan. Dalam Islam, terdapat pelbagai cara juga untuk menentu kesahan data. Cara-cara tersebut boleh didapati dalam ilmu-ilmu Islam seperti dalam Ilmu *Qira'at*, Ilmu Hadis, Ilmu Mantiq dan Ilmu Usul Fiqh. Meskipun kedua-dua bidang iaitu Bidang Pengajian Islam dan Bidang Sains Kemasyarakatan mempunyai cara dan kaedah tersendiri dalam menentukan kesahan data, namun kaedah pengesanan data dalam Islam mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Antara kelebihan kaedah penentu kesahan data dalam ilmu-ilmu Islam adalah kerana ia bersumberkan al-Qur'an dan Hadis iaitu semua ilmu datangnya daripada Allah SWT dan bukan rekaan atau hasil kajian manusia.

Jika dilihat kepada Ilmu *Qira'at*, terdapat salah satu kaedah penentuan kesahihan *qira'at* yang digunakan oleh para ulama iaitu *mutawatir*. Konsep *mutawatir* ini masih jarang dibincangkan luar dari konteks ilmu-ilmu Islam terutama Ilmu *Qira'at* kerana biasanya perbincangan tentang *mutawatir* akan berkisar sekitar kesahihan sesuatu ayat al-Qur'an semata-mata. Namun melihat kepada persamaan antara *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* dan kaedah penentuan kesahan data penyelidikan lazim, pengkaji cuba menyelidik kesesuaian penggunaan tentang *mutawatir* untuk dijadikan salah satu kaedah penentuan kesahan data yang berteraskan ilmu Islam. Persoalannya ialah apakah elemen-elemen yang terdapat dalam konsep *mutawatir*? Bagaimanakah konsep

mutawatir ini mampu dan sesuai digunakan dalam menentukan kesahan data sesuatu penyelidikan ilmiah? Berdasarkan isu yang dinyatakan, kajian ini dilakukan bagi mencapai dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti konsep *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* seterusnya menganalisis kesesuaian konsep *mutawatir* dalam konteks menentukan kesahan data penyelidikan.

Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, kajian kualitatif ini menggunakan data sekunder. Data sekunder ini diperolehi melalui kajian perpustakaan dan analisis tekstual. Secara umumnya, hasil penganalisan ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, memperkenalkan konsep *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* menerusi sejarah Ilmu *Qira'at*, definisi konsep *mutawatir*, syarat-syarat perawi dan sifat-sifatnya; kedua, membincangkan konsep kesahan data dalam kaedah penyelidikan lazim; ketiga, menganalisis kesesuaian konsep *mutawatir* sebagai salah satu kaedah penentuan kesahan data; dan keempat, kesimpulan.

KONSEP MUTAWATIR DALAM ILMU QIRA'AT

Perbincangan konsep *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* ini terbahagi kepada empat bahagian. Pertama, sejarah Ilmu *Qira'at*; kedua, definisi *qira'at* dan Ilmu *Qira'at*; ketiga, syarat-syarat *qira'at sahihah*; keempat, sifat-sifat yang perlu ada bagi perawi.

Sejarah Ilmu *Qira'at*

Falsafah Ilmu *Qira'at* bermula sejurus penurunan al-Qur'an kepada Rasulullah SAW. Para sahabat RA mengambil bacaan al-Qur'an daripada Rasulullah SAW secara *talaqqi* (Berhadapan terus dengan guru dengan memperhatikan bentuk mulut, lidah dan bibir guru ketika melafazkan ayat-ayat al-Qur'an (Ismail Masyhuri al-Hafiz, t.t.:31))(Muhammad 'Ali al-Sobuni, 1985:230; Ibn Jazari, 2004:22) dan para sahabat pada ketika itu ada yang menghafal seluruh al-Qur'an dan ada yang menghafal separuh atau sebahagian sahaja daripada al-Qur'an, malah ada yang mengambil daripada Nabi SAW satu *harf* sahaja daripada *ahruf sab'ah* (Terdapat khilaf ulama dalam mendefinisikan *ahruf sab'ah*, pendapat yang paling kuat ialah pendapat Imam al-Razi yang menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *ahruf sab'ah* ialah perbezaan dalam tujuh perkara iaitu perbezaan kata nama dari sudut nama tunggal dan majmuk, perbezaan dari sudut pembentukan kata kerja daripada *fi'il madin* (perbuatan yang telah lepas), *mudari'* (perbuatan yang sedang berlaku), dan *amr* (ayat suruhan), perbezaan dari sudut penukaran sama ada penukaran huruf atau lafaz, perbezaan dari sudut penyusunan lafaz sama ada berada di awal atau di akhir, perbezaan bentuk-bentuk *i'rab*, perbezaan dalam penambahan dan pengurangan, dan perbezaan loghat dari sudut sebutan yang tebal nipis dan seumpamanya (al-Sabuni, 1985: 221-223) manakala sahabat yang lain mengambil lebih daripada satu *harf*. Tambahan pula, mushaf al-Qur'an pada zaman Rasulullah SAW adalah tidak berbaris dan tidak bertitik. Disebabkan pelbagai perbezaan ini dan pergantungan mereka kepada sistem *talaqqi*, maka berlaku beberapa khilaf kalangan para sahabat RA tentang bacaan al-Qur'an sebagaimana yang berlaku kepada Saidina Umar RA dan Saidina Hisyam RA dalam sebuah hadis yang panjang (al-Bukhari, 1986: 482-483) yang bermaksud:

“Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan (lafaz al-Bukhari) bahawa Umar bin al-Khatab RA berkata: Aku mendengar Hisyam bin Hakim membaca surah al-Furqan semasa hayat Rasulullah SAW, maka aku mendengar (dengan sengaja) bacaannya. Tiba-tiba dia membacanya dengan huruf yang banyak (iaitu dengan pelbagai bacaan) yang tidak dibacakan kepadaku oleh Rasulullah SAW. Aku hampir ingin menerkamnya dalam sembahyang tetapi aku menunggunya sehingga dia memberi salam (selesai sembahyang). Lantas aku menarik bajunya dan berkata: “Siapa yang mengajarkan kamu surah ini?”. Dia berkata: “Rasulullah SAW yang mengajarku”. Aku berkata kepadanya: “Engkau menipu. Demi Allah bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW telah membaca surah ini kepadaku (iaitu bacaannya berbeza dengan bacaan yang didengari daripada Hisyam)”. Kemudian aku membawanya berjumpa Rasulullah SAW dan berkata: “Ya Rasulullah, aku mendengar ini (iaitu Hisyam) membaca surah al-Furqan dengan bacaan yang engkau tidak bacakan kepadaku, dan engkau telah bacakan surah al-Furqan ini kepadaku”. Bersabda Rasulullah SAW: “Lepaskanlah dia wahai Umar. Bacalah wahai Hisyam”. Maka Hisyam membaca surah dengan bacaan yang aku dengar sebentar tadi. Bersabda Rasulullah SAW: “Demikianlah ia diturunkan”. Kemudian Rasulullah SAW menyambung sabdanya: “Sesungguhnya al-Qura’an ini diturun dengan tujuh huruf (sab’ah ahurf), maka bacalah apa yang mudah daripadanya” (Hadis riwayat al-Bukhari, Hadis no. 514).

Setelah Rasulullah SAW wafat, para sahabat RA telah mengumpulkan al-Qur’an dalam satu mushaf dan dihantar ke ibu-ibu Negara Islam pada ketika itu. Maka setiap ibu-ibu Negara mempunyai mushaf tersendiri dan imam tersendiri yang terdiri daripada para sahabat RA yang mengajar penduduk di ibu-ibu Negara tersebut dengan bacaan yang diambil daripada Rasulullah SAW. Oleh itu, bagi setiap ibu Negara mempunyai bacaan yang berbeza dengan ibu Negara yang lain berdasarkan para sahabat RA yang dihantar ke sana.

Dari sini bermula perselisihan bacaan (*qira’at*) antara penduduk di ibu-ibu Negara tersebut kerana setiap ibu Negara mengambil satu bacaan (*qira’at*) daripada bacaan-bacaan Rasulullah SAW dan ia bergantung kepada para sahabat RA yang dihantar ke sana. Oleh yang demikian, pada permulaan abad 200 Hijrah, *qira’at-qira’at* ini telah dihimpun oleh *Abi ‘Ubaid al-Qasim bin Sallam, Abi Hatim al-Sajastani, Abi Ja’far al-Tobari* dan *Isma’il al-Qadi (Muhammad ‘Ali al-Sobuni, 1985:233)*. Pada ketika itu dipilih imam-imam *qira’at* di setiap ibu negara Islam berdasarkan kemasyhuran mereka serta melihat kepada guru-guru dan sanad mereka. Imam-imam tersebut ialah Imam *‘amr* dan Imam *Ya’qub* di Basrah, Imam *Hamzah* dan *‘Asim* di Kufah, Imam *Ibn ‘Amir* di Syam, Imam *Ibn Kathir* di Mekah dan Imam *Nafi’* di Madinah.

Pada akhir kurun 300 Hijrah, *Ahmad bin Musa bin ‘Abbas* atau lebih dikenali sebagai Imam Ibn Mujahid telah membukukan Ilmu *Qira’at* dan telah meletakkan syarat-syarat bagi menentukan *qira’at* yang *sahihah* daripada *qira’at* yang *mardudat* (ditolak). Bermula pada kurun inilah Ilmu *Qira’at* berkembang dan ulama yang mendalami ilmu ini semakin bertambah.

Definisi *qira'at* dan Ilmu *Qira'at*


Qira'at dari segi bahasa diambil daripada perkataan *qoro'a-yaqro'u-qur'an-qira'atan* (قَرَأَ يَقْرَأُ - قُرْءَانًا) yang bermaksud menyebut kalimah-kalimah dengan melihatnya (*al-Tahir Ahmad al-Zawi*, 1959:578; Ibrahim Mustafa, *Ahmad Hasan al-Zayyat, Hamid Abdul al-Qadir, Muhammad 'Ali al-Najjar*, 1990:722). Adapun dari segi istilah, *qira'at* ialah satu kaedah untuk menyebut ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan oleh seorang imam *qira'at* dan kaedah tersebut berbeza dengan para imam yang lain serta kaedah tersebut hendaklah *thabit* sanadnya bersambung kepada Rasulullah SAW (*Muhammad 'Ali al-Sobuni*, 1985:229). Adapun Ilmu *Qira'at* ialah ilmu mengenai cara membaca ayat-ayat al-Qur'an serta perbezaan cara membacanya menurut terjemahan orang yang menaalkannya (*Hasan Mahmud al-Hafiz*, 1995:104).

Al-Qur'an yang dibaca sekarang merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada nabi-Nya Muhammad SAW serta dijanjikan ketulenannya sehingga hari kiamat sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya kami yang menurunkan peringatan ini (al-Qur'an) dan sesungguhnya kamilah yang menjaganya". (*al-Hijr*, 15:9).

Oleh itu, dalam memastikan ketulinan al-Qur'an ini, para ulama telah berusaha keras untuk memastikan *qira'at- qira'at* yang sampai kepada umat Islam selepas tiga kurun pertama Hijrah merupakan *qira'at* yang sah. Usaha para ulama ini adalah dengan membahagikan jenis-jenis *qira'at* berpandukan beberapa syarat yang telah disepakati oleh mereka bagi memastikan setiap *qira'at* yang diterima daripada generasi terdahulu merupakan *qira'at* yang tulen dan sah serta tiada penambahan atau pengurangan. Jenis-jenis *qira'at* tersebut ialah *Qira'at Mutawatirat*, *Qira'at Masyhurat*, *Qira'at Ahadiat*, *Qira'at Syadhdhat*, *Qira'at Maudu'at* dan *Qira'at Ma Yusybih al-Mudraj* (*Nabil Muhammad Ibrahim*, 2002:38-39; *Ibn al-Jazari*, 2014:50-61; *Muhammad 'Ali al-Sobuni*, 1985:232, *al-Suyuti*, t.t.:77, *al-Zarqani*, 2002:438-439).

Syarat-Syarat *Qira'at Sahihat*

Berdasarkan pembahagian jenis-jenis *qira'at* yang enam ini, hanya *Qira'at Mutawatirat* dan *Qira'at Masyhurat* sahaja diperakui sebagai al-Qur'an dan sah dibaca dalam sembahyang. Ini kerana kedua-dua *qira'at* ini menepati syarat-syarat *qira'at* yang digariskan oleh para ulama qurra'. Syarat-syarat tersebut menurut *Ibn Jazari* (2014:50) ialah menepati salah satu *wajh* (bentuk) kaedah Nahu, menepati *Rasm 'Uthmani*, dan sanadnya adalah sah. Sementara itu terdapat ulama yang mensyaratkan sanadnya perlu *mutawatir* dan bersambung sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (*Muhammad al-Habsy*, 1996:30, *al-Salim Muhammad al-Syanqiti*, 2001:86). Mempunyai sanad yang sah merupakan asas utama dan rukun terpenting dalam menentukan kesahihan sesuatu *qira'at* (*al-Suyuti*, t.t.:77). Bagi menjelaskan hubungan antara syarat-syarat tersebut dengan *Qira'at Sahihat*, perkara ini dipamerkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Syarat-syarat *Qira'at Sahihah*

Secara umumnya, maksud *mutawatir* ialah laporan sekumpulan besar perawi yang tidak dapat digambarkan bahawa kumpulan itu mampu berpakat untuk melakukan pembohongan terhadap laporan tersebut. Syarat ini mesti dipenuhi dalam seluruh rangkaian periwatan laporan tersebut bermula dari asal-usul laporan itu sehinggalah sampai kepada kesudahannya (Muhammad Mustafa Azami, 1977:43). Manakala Ibn Jazari (2004:27) pula mendefinisikan *mutawatir* sebagai satu riwayat yang diriwayatkan daripada sekumpulan orang kepada sekumpulan orang lain. Proses sebegini berlangsung sehingga ke akhirnya yang memberi faedah ilmu tanpa ditentukan bilangan periwat.

Makna *mutawatir* secara khusus dalam Ilmu *Qira'at* pula ialah bacaan yang diriwayatkan oleh sekumpulan qari yang ramai pada setiap *tabaqat* (peringkat) yang tidak mungkin bagi mereka untuk melakukan pembohongan terhadap bacaan tersebut bermula daripada *tabaqat* yang pertama sehinggalah sampai kepada Rasulullah SAW (*al-Suyuti*, t.t.:79) melalui kaedah *musyafahah* dan *al-sama'* (Iaitu berguru secara langsung dengan guru dan mendengar serta mengikuti bacaan guru. *Al-sama'* juga bererti sesuatu ilmu itu dibacakan oleh guru di hadapan pelajarnya (Muhammad Mustafa Azami, 1977:16; Sukhairu Sulaiman, 2013:76).

Sifat-sifat Perawi

Setelah diteliti makna *mutawatir* sebelum ini, konsep *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* ini merupakan konsep yang sangat teliti dalam menentukan sesuatu *qira'at* itu sah atau tidak. Tambahan pula elemen yang terdapat dalam konsep *mutawatir* ini berdasarkan kepada pentakrifannya menunjukkan bahawa bagi menentukan kesahihan sesuatu *qira'at* itu memerlukan bilangan qari yang ramai. Walau bagaimanapun, konsep *mutawatir* ini tidak terhenti pada bilangan semata bahkan sifat qari atau perawi juga diambil kira bagi memastikan setiap *qira'at* tersebut bersih daripada sebarang penipuan yang disebabkan oleh sifat perawi yang tidak baik. Sifat-sifat yang perlu ada bagi seorang perawi dalam setiap *tabaqat* (peringkat periwatan) menurut Ibn Mujahid ialah seorang perawi itu hendaklah terkenal dengan sifat *dabit* iaitu kuat ingatan, amanah, berada dalam tempoh yang lama dalam mempelajari dan mempraktikkan *qira'at*, serta sepakat ulama dalam keharusan belajar dengan perawi tersebut dan bertalaqqi daripadanya (*Muhammad 'Ali al-Sobuni*, 1985:234). Selain sifat-sifat di atas, seseorang perawi juga hendaklah adil (Adil atau 'adilat menurut ulama Ilmu Hadis ialah seseorang perawi itu mestilah Muslim, waras, matang, dihormati, berpengetahuan, bermaruah, dan mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang melanggar suruhan agama. Seorang perawi juga tidak boleh terlibat dalam mana-mana perbuatan kufr, syirik, bid'ah, fasiq

dan yang seumpama dengannya. Perawi itu juga hendaklah jarang melakukan dosa-dosa kecil yang tidak memberi kesan kepada ‘adatnya (Rafiq Ahmed, 2000:72)), berakal, dan Islam (Ibn Jazari, 2014:54; *al-Suyuti*, t.t:78; Subhi Salih, 1993:121). Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, hal ini dipamerkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Elemen-elemen Konsep *Mutawatir*

Oleh yang demikian, berdasarkan penerangan tentang sejarah Ilmu *Qira'at*, definisi dan syarat-syarat *qira'at* yang sah, konsep mutawatir yang merupakan tunjang utama dalam penentuan sesuatu *qira'at*, kepentingan bilangan perawi serta sifat-sifat perawi atau qari pada setiap *tabaqat*, maka dapat dilihat bahawa peranan *mutawatir* sangat penting dalam Ilmu *Qira'at*. Malah konsep ini boleh diteliti dan dikaji untuk diambil faedahnya bagi digunakan dan dimanfaatkan dalam konteks yang lebih luas lagi.

KONSEP PENENTUAN KESAHAN DATA DALAM PENYELIDIKAN LAZIM

Adapun dalam kaedah penyelidikan lazim, untuk mengesahkan sesuatu data kajian memerlukan teknik dan cara pengesahan data yang pelbagai. Apabila sesuatu data itu menepati kaedah tersebut, maka akan terhasillah data yang sah dan diperakui dalam sesuatu kajian. Teknik

pengesahan data ini disebut sebagai kesahan (*validity*). Kepentingan mengadakan kesahan sesuatu data adalah untuk menguji sama ada kajian tersebut dijalankan secara sah, adil dan saksama atau tidak (Howard Wainer & Henry I. Braun, 1988:xvii, Rozmi Ismail, 2015:84).

Antara cara pengesahan data tersebut ialah kesahan konstruk, kesahan kriteria, kesahan praktikal, kesahan isi kandungan, kesahan dalaman, kesahan luaran, kesahan ekologi, kesahan statistik, kesahan permukaan dan kesahan serentak (Howard Wainer & Henry I. Braun, 1988:51-56; Susan C. Weller dan A. Kimball Romney, 1990:79-82; Rozmi Ismail, 2015:85-88). Kesahan-kesahan ini digunakan dalam pelbagai bentuk kajian sama ada kajian berbentuk kualitatif atau kuantitatif. Meskipun kaedah penyelidikan lazim mempunyai pelbagai cara untuk menentukan kesahan data, namun dalam menentukan kesahan data dalam kajian yang berkaitan ilmu-ilmu Islam dan orang Islam perlu mempunyai kaedah penentuan kesahan data yang kuat dan tulin.

Kaedah penentuan kesahan data yang kuat ini perlulah diambil daripada ilmu-ilmu Islam juga. Ini kerana adalah tidak berapa sesuai bagi mengkaji sesuatu berkaitan Islam, kaedah dan method kajian diambil daripada kaedah bukan Islam. Tambahan pula, sebagai pengkaji Muslim, al-Qur'an, Hadith, ijmak dan qiyas sepatutnya perlu dijadikan sumber rujukan utama dalam semua usaha penyelidikan yang berteraskan Islam. Sumber-sumber asas tersebut merupakan sumber-sumber ilmu yang diiktiraf oleh Allah SWT (Atikullah Hj Abdullah, 2009:1). Di samping itu, Jika kaedah penyelidikan lazim ini diguna pakai bagi menyelidik hal ehwal Islam dan orang-orang Islam, maka ia akan berlandaskan kaca mata (tasawur) dan piawaian penilaian Barat yang berbeza dari sudut falsafah dan epistemologinya dengan Islam, bukan berlandaskan kaca mata (tasawur) dan piawaian penilaian Islam. Akibatnya, dapatan dan rumusan penyelidikan itu tidaklah tepat sebagaimana sepatutnya. Baik buruk hanya diukur daripada nilai dan ideal lazim (Muhammad Syukri Salleh, 2010:135-136).

KESESUAIAN KONSEP *MUTAWATIR* SEBAGAI SALAH SATU KAEDAH PENENTUAN KESAHAN DATA

Berdasarkan penerangan sebelum ini, bagi mendapatkan *qira'at* yang *sahihah* memerlukan tiga syarat penting iaitu sanad perlu *mutawatir*, menepati *Rasm 'Uthmani* dan menepati kaedah bahasa Arab. Tanpa salah satu syarat tersebut, sesuatu *qira'at* itu tidak sah dijadikan *qira'at sahihah* dan tidak sah dibaca dalam sembahyang serta tidak dikira sebahagian daripada ayat al-Qur'an.

Melihat kepada kepentingan tiga syarat tersebut, didapati salah satu daripada syarat-syarat itu boleh diambil dan digunakan dalam menentukan kesahan data dalam kaedah penyelidikan. Sebagai perbandingannya, *qira'at sahihah* boleh diibaratkan sebagai data yang sah, konsep *mutawatir* pula boleh diibaratkan sebagai kaedah pengesahan data. Oleh yang demikian, perbincangan akan difokuskan satu syarat sahaja iaitu konsep *mutawatir* bagi meneliti kesesuaian syarat ini sebagai salah satu kaedah penentuan kesahan data.

Tambahan pula, melalui konsep *mutawatir* ini proses pengumpulan data bagi sesuatu kajian perlu dilihat pada bilangan responden dan juga aspek peribadi individu yang dikumpul data tersebut daripadanya. Terdapat beberapa syarat penting yang perlu dipenuhi oleh responden tersebut agar data yang terdapat padanya merupakan data yang sahih dan tepat seperti responden tersebut mestilah adil, kuat ingatan dan fakta yang diambil daripada

responden itu jelas sumbernya. Berlainan dengan cara pengumpulan data dalam penyelidikan lazim, untuk mendapat kesahan sesuatu data, hanya bilangan responden sahaja perlu dalam menganalisis kesahan sesuatu data. Adapun sifat-sifat dalam diri setiap responden adalah tidak diambil kira. Namun dalam Islam, selain bilangan responden itu penting, sifat-sifat dalam diri responden seperti adil, amanah, kuat ingatan dan sebagainya penting bagi memastikan data yang diperolehi daripada responden itu tepat, benar dan kuat.

Penyelidikan tentang konsep *mutawatir* merupakan antara usaha awal bagi membina suatu kaedah penyelidikan yang berteraskan Islam khususnya dalam menentukan dan menguatkan kesahan sesuatu data terutama data kajian yang berkaitan dengan Islam dan orang Islam. Jika konsep *mutawatir* ini sesuai diguna pakai, konsep *mutawatir* ini boleh diaplikasikan dalam menentukan kesahan data bagi memenuhi keperluan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Tambahan pula, konsep *mutawatir* ini boleh menjadi satu alternatif kepada pengkaji Muslim untuk digunakan dalam mengkaji isu yang berkaitan Islam dan orang Islam menggantikan kaedah-kaedah pengesahan data dalam kaedah penyelidikan lazim. Bagi menjelaskan lagi penerangan di atas, perkara ini dipamerkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Perbandingan Kaedah Penentuan Kesahan Data Lazim dan Konsep *Mutawatir*

Bil	Perkara	Kaedah Lazim	Konsep <i>Mutawatir</i>
01	Melihat kepada bilangan responden	✓	✓
02	Responden perlu <i>dabit</i> (kuat ingatan)		✓
03	Responden perlu amanah		✓
04	Responden perlu lama belajar		✓
05	Responden perlu diperakui pakar	✓	✓
06	Responden perlu 'adil		✓
07	Responden perlu berakal	✓	✓
08	Responden perlu Muslim		✓

KESIMPULAN

Setelah dibincang dan diteliti, didapati bahawa konsep *mutawatir* dalam Ilmu *Qira'at* ini sesuai untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan sebagai salah satu kaedah penentuan kesahan data berdasarkan ciri-ciri yang ada pada konsep *mutawatir* tersebut. Ciri-ciri tersebut ialah konsep *mutawatir* ini diambil daripada ilmu-ilmu Islam, ketelitian dalam menghimpun data berdasarkan kepada bilangan dan sifat-sifat responden, seterusnya menguatkan data yang diambil dan diyakini kesahannya. Di samping itu, konsep *mutawatir* ini juga dapat membina satu kaedah pengesahan data yang baru terutama dalam membentuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam yang akan membantu pengkaji Muslim dalam mengkaji perkara yang berkaitan Islam dan orang Islam.

RUJUKAN

- Airasian, L. R. G. P. (2003). *Educational Research; Competencies For Analysis And Applications*. New Jersey: Pearson Education.
- Atikullah Hj. Abdullah, (2009). *Panduan Pemakaian Sumber-Sumber Asas Kajian (Al-Quran, Al-Hafith, Ijma' dan Qiyas)*. Paper presented at the Penyelidikan Bulanan Siswazah, Universiti Sains Malaysia.
- Al-Bukhari. (1986). *Sahih al-Bukhari*. Pakistan: Matba'ah al-Maktabah al-'Ilmiah.
- Braun, H. W. H. I. (1988). *Test Validity*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Hasan Mahmud al-Hafiz, (1995). *Mengenal Qira'at al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ibn al-Jazari, (2014). *Al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyr*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Sofa.
- Ibn Al-Jazari. (2004). *Taqrib al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyr*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibrahim Mustafa, A. H. a.-Z., Hamid Abdul al-Qadir, Muhammad 'Ali al-Najjar. (1990). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul, Turki: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Jalaluddin Ahmad al-Suyuti, (1960). *Al-Itqan Fi Ulum Al-Qur'an*: Dar Al-Fikr.
- Muhammad 'Ali al-Sobuni, (1985). *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut, Lubnan: Alam al-Kutub.
- Muhammad al-Habsy, (1996). *Al-Qiraat al-Mutawatirah Wa Atharuha Fi Al-Lughah al-'Arabiyyah Wa al-Ahkam al-Syar'iyyah Wa al-Rasm al-Qurani*. (Phd), Universiti al-Quran al-Karim Wa al-'Ulum al-Islamiyyah, Sudan.
- Muhammad Mustafa Azami, (1977). *Studies in Hadith Methodology and Literature*. Indiana: American Trust Publications.
- Muhammad Syukri Salleh, (2010). *Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju*. Paper presented at the Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Nabil Muhammad Ibrahim al-Ismail, (2002). *'Ilm al-Qira'at: Nasy'atuh Atwaruh Atharuh fi al-'Ulum al-Syar'iyyah*. Arab Saudi: Maktab Naib al-Mufti al-'Am.
- Rafiq Ahmad, (2000). *Introduction to al-Hadith*. India: Adam PUBLISHERS & DISTRIBUTORS.
- Rozmi Ismail, (2015). *Metodologi Pendidikan; Teori dan Praktis*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti.
- Subhi Salih, (1993). *ILMU HADITH Satu Pengenalan dan Kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukhairu Sulaiman, (2013). *Al-Qiraat Al-Mutawatirah dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Al-Quran: Kajian terhadap kitab Marah Labid Li Kashf Ma'na Al-Quran Al-Majid karangan Nawawi Al-Bantani Tumpuan Terhadap Surah al-Baqarah*. ((Unpublished Ph.D's Thesis)), Universiti Malaya. Kebangsaan Malaysia.
- al-Tahir Ahmad al-Zawi, (1959). *Tartib al-Qamus al-Muhit 'Ala Tariqah al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah*: Dar al-Fikr.